



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN
KOD KURSUS : DSM 2083
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan
4. Jawab **semua** soalan bahagian A di dalam kertas jawapan objektif.
Jawab **semua** soalan bahagian B di dalam buku jawapan.
Jawab **dua(2)** soalan bahagian C di dalam buku jawapan yang disediakan.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

○

○

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Seksyen 7(a) Akta Kontrak 1950 menyatakan suatu penerimaan mestilah mutlak dan tidak bersyarat. Manakah antara berikut situasi yang menunjukkan keadaan tersebut?
 - A Ali menawarkan kudanya kepada Abu dengan harga RM10,000. Abu bersetuju dengan syarat kuda tersebut diberikan imunisasi terlebih dahulu.
 - B Ali menawarkan kepada Abu satu lot tanah miliknya dengan harga RM150,000. Abu bersetuju dengan harga RM140,000.
 - C Ali menawarkan kudanya yang telah memenangi pertandingan peringkat kebangsaan pada tahun 1990 kepada Ahmad dengan harga RM50,000. Ahmad bersetuju sekiranya kuda tersebut masih kuat seperti 15 tahun yang lalu.
 - D Ali menawarkan rumahnya kepada Ahmad dengan harga RM230,000. Ahmad bersetuju dengan harga tersebut dan harapannya rumah tersebut membawa tuah dan dapat didiami sehingga akhir hayatnya.

2. Bagaimanakah cara suatu tawaran boleh ditamatkan?
 - A Tamat kerana tiada tempoh masa yang ditetapkan.
 - B Tamat kerana hilang keupayaan fizikal pihak pencadang.
 - C Tamat kerana kematian atau masalah mental pencadang.
 - D Tamat kerana kegagalan pencadang mengemukakan maklumat yang jelas.

3. Dini bersetuju untuk menjual rumahnya di Taman Seri Austin kepada Encik Dali pada harga RM250,000 atau RM220,000. Tiada tawaran yang sah di dalam situasi ini kerana
 - A tawaran tidak pasti.
 - B tawaran tidak diiklankan di dalam surat khabar.
 - C tawaran hanya dibuat kepada individu tertentu.
 - D pembuat tawaran bukan pemilik sebenar rumah tersebut.

4. Manakah antara berikut pernyataan yang **tidak benar**?
- A Kekecewaan akan menamatkan sebuah kontrak.
 - B Balasan tidak semestinya datang daripada penerima tawaran.
 - C Perubahan ke atas tawaran yang asal dianggap sebagai tawaran balas.
 - D Di dalam kes *Carlill Iwn Carbolic Smoke Ball*, tawaran dibuat kepada orang perseorangan.
5. Hubungan agensi terbentuk dengan cara-cara berikut, **kecuali**
- A secara nyata.
 - B secara tersirat.
 - C secara keperluan.
 - D secara pembetulan.
6. Di dalam kontrak agensi, prinsipal mempunyai hak untuk
- i. menuntut akaun yang betul.
 - ii. menarik balik transaksi yang telah dibuat tanpa persetujuannya.
 - iii. membuat tuntutan ke atas komisyen yang diterima agen.
 - iv. memilih pihak yang akan berurusan dengannya melalui agen.
- A i sahaja
 - B i dan ii
 - C i,ii dan iii
 - D iii dan iv
7. Manakah di antara kenyataan di bawah adalah **benar** berkaitan dengan perjanjian sewa beli?
- A Perjanjian sewa beli boleh dibuat secara lisan.
 - B Perjanjian sewa beli mestilah dibuat secara bertulis.
 - C Perjanjian sewa beli boleh dibuat secara lisan atau bertulis.
 - D Perjanjian sewa beli tidak akan menjadi tidak sah hanya dengan sebab tulisan yang tidak terang dan tidak jelas.

8. Berikut adalah pengecualian kepada prinsip *nemo dat quod non habet* , kecuali
- A Jualan oleh agen.
 - B Jualan oleh prinsipal.
 - C Jualan oleh salah seorang daripada pemilik.
 - D Jualan oleh penjual yang memiliki barang selepas jualan.
9. Apakah tujuan pemalangan cek?
- A Cek tersebut tidak boleh dipindah milik kepada orang lain.
 - B *Drawer* boleh mengemukakan cek untuk membuat pembayaran kepada orang tertentu (*payee*).
 - C *Drawer* dapat menukarkannya ke dalam bentuk wang dengan mudah melalui kaunter bank.
 - D Pemalangan akan menyukarkan orang yang tidak mempunyai kuasa ke atas cek tersebut untuk mengeluarkan wang melalui kaunter.
10. Secara umumnya, kontrak insuran adalah suatu kontrak berkaitan dengan
- A pampasan.
 - B keperluan.
 - C subrogasi.
 - D kesedaran.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Setiap kontrak dibentuk oleh beberapa elemen penting dan antara elemen yang terpenting ialah tawaran. Berikan maksud takrif tawaran serta ciri-ciri tawaran secara terperinci berserta dengan seksyen-seksyen yang diperuntukkan di dalam Akta Kontrak 1950 serta kes-kes yang telah diputuskan.

(10 markah)

SOALAN 2

Terdapat 3 kategori agen dan ketiga-tiganya mempunyai skop kuasa tersendiri. Nyatakan apakah agen tersebut dan skop kuasa yang dimiliki oleh agen-agen tersebut.

(10 markah)

SOALAN 3

a) Terangkan maksud kontrak sewa beli mengikut Akta Sewa Beli 1967.

(2 markah)

b) Terangkan secara terperinci terma tersirat berikut yang terdapat di dalam kontrak sewa beli bagi melindungi penyewa.

- i) Pemilik mestilah mempunyai hak milik ke atas barang
- ii) Barangan mestilah sesuai dengan kegunaannya.

(8 markah)

SOALAN 4

Berikan **lima(5)** terma tersirat dalam kontrak jualan barang mengikut Akta Jualan Barang 1957.

(10 markah)

SOALAN 5

Di dalam konteks undang-undang insurans, pihak yang memasuki kontrak insurans hanya perlu mendedahkan 'fakta material' iaitu fakta utama. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan terma 'fakta material'.

(10 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan. Jawab **DUA(2)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Hadeef berusia 15 tahun merupakan seorang pelajar sekolah menengah telah membuat kontrak bagi pembelian sebuah komputer riba secara ansuran dengan kedai barangan elektrik Sen Q bernilai RM3,800. Beliau juga telah menyewa sebuah kereta Nissan Almera melalui aplikasi Go Car untuk kegunaannya dan beberapa orang kawannya untuk pergi ke Desaru Adventure Park. Semua kontrak yang dimasuki tidak dipenuhi dan tiada pembayaran dibuat.

Nasihatkan kedua-dua syarikat tersebut sama ada mereka boleh mengambil tindakan ataupun tidak ke atas Hadeef.

(15 markah)

SOALAN 2

Puan Salma telah mengarahkan agennya Zaki untuk membeli 10 set komputer untuk kegunaan makmal komputer pusat bahasa miliknya dengan bajet tidak melebihi RM20,000. Zaki telah membeli 10 set komputer dengan Syarikat Alam Cyber Sdn. Bhd. dengan harga keseluruhan sebanyak RM25,000. Pada mulanya Puan Salma bersetuju, namun kemudiannya merasa ditipu oleh agennya sendiri dan menolak daripada membayar harga komputer tersebut.

a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan agen secara ratifikasi.

(3 markah)

b) Bincangkan **empat(4)** daripada syarat-syarat yang perlu dipenuhi sebelum prinsipal membuat ratifikasi ke atas kontrak yang dimasuki oleh Zaki dan Syarikat Alam Cyber Sdn. Bhd. Nyatakan juga kes yang dapat menyokong berserta seksyen yang berkaitan.

(12 markah)

SOALAN 3

Farid telah membuat kontrak sewa beli dengan Bahagia Finance Bhd. untuk membeli sebuah kereta Proton X70. Beberapa bulan kemudian Farid telah dihantar bertugas ke Sarawak bagi menggantikan pengarah cawangan syarikat di sana. Farid telah memaklumkan kepada pihak Bahagia Finance Bhd. tentang pertukaran itu dan beliau akan membawa kereta tersebut ke Sarawak. Walau bagaimanapun, syarikat hanya akan membenarkan kereta tersebut dibawa sekiranya Farid membayar yuran pemprosesan sebanyak RM1000. Oleh sebab itu, Farid telah memutuskan untuk menjual dan menamatkan kontrak sewa beli kereta tersebut dengan Bahagia Finance Bhd.

- a) Terangkan maksud kontrak sewa beli dan apakah kategori 'barang' menurut Akta Sewa Beli 1967.

(5 markah)

- b) Nasihatkan Farid berkaitan hak penyewa beli yang berikut.

- i) Hak untuk memohon arahan Mahkamah bagi mengalihkan barang ke tempat lain.
- ii) Hak untuk menamatkan kontrak sewa beli.

(10 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

○

○